

SOALAN LAZIM (FAQ)

JABATAN DERMATOLOGI/KLINIK PAKAR DERMATOLOGI

1. **BAGAIMANAKAH CARA UNTUK MENDAPAT TEMUJANJI DOKTOR KLINIK PAKAR KULIT ?**

Anda perlu dirujuk oleh mana-mana doktor samada dari Klinik Kerajaan atau swasta dan perlu membawa surat rujukan. Kemudian tarikh temujanji akan diberi kepada anda seperti yang telah ditetapkan.

2. **BILAKAH WAKTU BEROPERASI KLINIK PAKAR KULIT ?**

Klinik Pakar Kulit beroperasi bermula jam 8:00 pagi sehingga 5:00 petang pada hari Ahad hingga Khamis. Kecuali pada hari khamis yang tamat operasi pada jam 3:30. Bagaimana pun, pesakit dinasihatkan datang ke klinik mengikut masa temujanji yang ditetapkan.

3. **APA PERLU DIBUAT JIKA TERLEPAS TARIKH TEMUJANJI ?**

Jika terlupa atau terlepas tarikh, anda boleh hubungi pihak klinik bagi memperbaharui tarikh dan akan diberi tarikh baru mengikut kesesuaian.